

Dunia perlu tahu cara Malaysia tangani perpisahan Singapura



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian
Pertahanan dan
Pengurusan,
Universiti
Pertahanan
Nasional Malaysia

Oleh Dr Nor Aishah Hanifa
bhrencana@bh.com.my

Semua rakyat merayakan kemerdekaan sebagai perayaan simbolik, tetapi tidak ramai sedar mengenai erti sebenar kemerdekaan merangkumi kebebasan daripada kawalan, pengaruh, sokongan dan bantuan entiti asing.

Antara definisi menarik mengenai kemerdekaan ialah ungkapan Bernard Shaw bahawa kebebasan atau kemerdekaan adalah pernafasan kehidupan negara.

Ada negara merdeka pada abad ke-18 seperti Amerika Syarikat (AS), manakala Brazil dan negara Amerika Latin mengesainya pada abad ke-19.

Selepas Perang Dunia Pertama, beberapa negara ditubuhkan apabila Empayar Austria-Hungary berkecai seperti Austria, Hungary, Yugoslavia, Estonia, Czechoslovakia, Finland dan Latvia.

Empayar Uthmaniyah jatuh selepas Perang Dunia Pertama menyebabkan beberapa negara dibentuk seperti Iraq, Jordan, Syria dan Lubnan.

Kemerdekaan negara dan proses penentuan diri kepada masyarakat tempatan dirancakkan *The 14 Points of Wilson* dipopularkan Presiden AS, Woodrow Wilson pada 1918.

Banyak negara mendapat kemerdekaan dan proses penentuan diri selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada 1945 seperti India, Pakistan, Ceylon dan Tanah Melayu sendiri.

Tanah Melayu merdeka secara aman pada 31

Ogos 1957 dengan pemimpin tempatan berkaliber seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun VT Sambanthan, Tun HS Lee dan Tun Tan Cheng Lock menjalinkan kompromi dan kerjasama antara kaum.

Tiga kaum utama menubuhkan parti politik, iaitu UMNO, MCA dan MIC membuktikan keupayaan penentuan diri ke arah negara bangsa. Parti ini bertanding dalam pilihan raya tempatan membuktikan keupayaan kepimpinan.

Pemimpin Malaya juga bekerjasama dengan British dalam menyejajarkan kemerdekaan untuk memastikan peralihan kuasa secara aman. Formula ini jarang dilihat dalam kemerdekaan negara lain, sebenarnya perlu dibanggakan rakyat Malaysia dan dicontohi mana-mana bangsa dunia.

Tiada pertumpahan darah

Kemerdekaan kita suatu proses demokrasi, berdasarkan prinsip liberal, tiada pertumpahan darah dan tidak menjadi beban kepada rakyat.

Rakyat tidak memikul kesakitan kemerdekaan seperti negara lain seperti perpisahan Pakistan Timur daripada Pakistan Barat dalam 1970-an yang didahului dengan perang antara kedua-duanya hingga membentuk Bangladesh.

Kemerdekaan ialah proses pencarian identiti di Asia Selatan. India dan Pakistan mendapat kemerdekaan setelah melalui pengalaman pahit konflik antara agama pada 1940-an. Pengasingan kedua-dua negara ini menyebabkan pertumpahan darah beribu-ribu nyawa.

Pengalaman pahit dalam sejarah kemerdekaan

tidak dapat dilupakan hingga kini masih bergelung dalam keraguan dan syak wasangka.

Kemerdekaan juga satu persetujuan semua golongan masyarakat. Di Palestin, *British Mandate* wujud selepas kejatuhan Empayar Uthmaniyah.

British gagal menyediakan Palestin ke arah kemerdekaan dan proses penentuan diri seperti dijelaskan daripada janji kolonial itu kepada kepimpinan Zionis dalam Deklarasi Balfour 1917.

Janji itu melahirkan polisi galakan hijrah masyarakat Yahudi ke tanah Palestin, menyebabkan konflik antara orang Arab Palestin dengan Yahudi. British tidak dapat mengawal apa berlaku dan menyerahkan beban itu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meskipun baru ditubuhkan.

Resolusi PBB 181 membahagikan tanah Palestin kepada dua negara untuk mendapatkan kemerdekaan tetapi ia mengakibatkan konflik berpanjangan hingga hari ini, menggoncang keamanan dan kestabilan rantau Asia Barat.

Kemerdekaan juga menuntut penghormatan. Fenomena perpisahan selepas kemerdekaan berlaku dalam sejarah Malaysia. Pada 1965, Singapura mengambil keputusan keluar daripada Malaysia.

Namun, ia dihormati Malaysia dan Singapura menjadi negara bangsa baharu di Asia Tenggara. Sehingga kini Malaysia menjaga hubungan dua hala dengan Singapura dan hubungan pelbagai hala melalui ASEAN.

Bagi Malaysia, Singapura adalah jiran terdekat dihormati. Kita memberikan sumbangan membina terhadap kestabilan rantau Asia Tenggara yang harus jadi teladan dunia.